# PROGRAM DIALOG BERSAMA PENGURUSAN SPE KE-4



Aktiviti telah dijalankan pada 13 Okt 2011 yang merupakan kali keempat di adakan bagi member ruang kepada pelajar berdialog secara terbuka dengan pengurusan SPE. Program tahunan ini merupakan anjuran Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE) iaitu persatuan pelajar yang mewakili suara mahasiswa dan mahasiswi sekolah Perniagaan & Ekonomi. Seramai kira-kira 300 orang pelajar memenuhi ruang DKP 1 mendengar pelbagai persoalan serta jawapan yang diberikan oleh pihak mahasiswa dan pengurusan. Dekan SPE, Prof Madya Dr.Hjh Arsiah Hj.Bahron berserta tiga orang Timbalan Dekan dan semua Ketua program hadir dalam sesi dialog tersebut yang berlangsung kira-kira tiga jam. Sebahagian dan permasalah yang ditimbulkan dalam sesi tersebut berjaya mendapatkan jalan penyelesaian terus dari pihak pengurusan melalui dialog tersebut.